

FEBRUARI 2013

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM**  
**PEPERIKSAAN PERINTAH-PERINTAH AM 1961 DAN**  
**PERATURAN-PERATURAN PERKHIDMATAN (GO)**

**Arahan kepada calon-calon:**

1. Sila tulis bilangan index awda sahaja pada kotak yang disediakan.
2. Kertas soalan ini mengandungi tiga (3) bahagian:
  - Bahagian A : 30 Soalan Objektif
  - Bahagian B : 10 Soalan Esei Pendek
  - Bahagian C : 3 Soalan Esei Panjang
3. Sila jawab:
  - Bahagian A : Semua Soalan
  - Bahagian B : 7 Soalan sahaja
  - Bahagian C : 2 Soalan sahaja
4. Sila mulakan jawapan bagi setiap soalan pada lembaran baru kertas jawapan.
5. Jawapan yang ditulis hendaklah jelas dan mudah dibaca.
6. Semua jawapan hendaklah ditulis dalam Bahasa Melayu.

**SEMOGA BERJAYA**

## BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi 30 soalan. Calon dikehendaki menjawab semua soalan dan setiap soalan mempunyai satu(1) markah

1. Tempoh lantikan memangku bagi jawatan-jawatan selain dari jawatan yang berpelembagaan, jawatan Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, Ketua Jabatan dan Ketua-Ketua Bahagian di kementerian-kementerian yang bertaraf Pengarah, dalam Bahagian I, II, III dan IV dalam Buku Anggaran Perbelanjaan adalah selama?
  - a. 10 hari atau lebih
  - b. 11 hari atau lebih
  - c. 12 hari atau lebih
  - d. 1 hari atau lebih
  
2. Berapakah kadar caruman yang dikenakan kepada peserta dan majikan bagi Persaraan Caruman Tambahan (SCP)?
  - a. 5% bagi peserta dan majikan
  - b. 3.5% bagi peserta dan 3.5% bagi majikan
  - c. 3.5% bagi majikan dan 2.5% bagi peserta
  - d. 2.5% bagi peserta dan 3.5% bagi majikan
  
3. Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 2/2000 adalah berkaitan dengan Akta Rahsia Rasmi Kerajaan. Apakah hukuman terhadap seorang pegawai atau kakitangan yang melanggar dan sabit kesalahan yang dinyatakan dalam Bab 5 Akta Rahsia Rasmi Kerajaan?
  - a. Denda tidak melebihi \$10,000 atau hukuman penjara tidak lebih dua tahun
  - b. Denda tidak melebihi \$10,000 dan hukuman penjara tidak lebih dua tahun
  - c. Denda tidak melebihi \$5,000 atau penjara dua tahun atau kedua-duanya sekali
  - d. Denda tidak melebihi \$5,000 dan hukuman penjara tidak lebih dua tahun

4. Menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 2/2007, tertakluk kepada keperluan, kekosongan jawatan boleh di isikan secara bergaji hari dimana gaji akan dibayar dari peruntukan gaji kakitangan. Apakah kelulusan yang dikhususkan bagi pengambilan ini?
  - a. Lepas an Ijazah dan Diploma
  - b. Diploma dan Sijil
  - c. O' Level dan 'A' Level
  - d. Lepas an Ijazah dan Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND)
  
5. Berapakah kadar bonus dalam peratus (%) berdasarkan Penilaian Prestasi ditahap Tidak Memuaskan seperti yang terkandung dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 7/1992?
  - a. 100%
  - b. 50%
  - c. 150%
  - d. 0%
  
6. Kementerian atau jabatan manakah yang boleh mengeluarkan Surat Keliling bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang berkaitan dengan dasar serta peraturan umum kerajaan dan peraturan-peraturan perkhidmatan bagi perkhidmatan awam?
  - a. Kementerian Kewangan
  - b. Jabatan Perkhidmatan Awam
  - c. Jabatan Audit
  - a. Jabatan Perdana Menteri
  
7. Bagaimanakah tatacara perhubungan persuratan yang digunakan dalam Perkhidmatan Awam di antara Pengarah Biro Mencegah Rasuah dengan Pengarah Keselamatan Dalam Negeri?
  - a. Surat (Letterhead)
  - b. Memorandum
  - c. Minit
  - d. Surat Keliling

8. Apakah kemungkinan tindakan yang akan diambil terhadap seorang pegawai kerajaan yang meninggalkan Negara Brunei Darussalam tanpa mendapat kebenaran ketua jabatannya sepertimana yang dinyatakan dalam bab 9 Peraturan-Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan (Kelakuan dan Tatatertib) Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Penggal 83?
- Digantung serta merta daripada menjalankan tugas
  - Ditahan gajinya sehingga ada ketetapan Penguasa Tatatertib
  - Digantung tugas dan gajinya hanya dibayar separuh sahaja
  - Kemungkinan dibuang kerja tanpa perbincaraan
9. Seorang pegawai dalam bahagian III telah dinaikan pangkat ke bahagian II pada 1 Januari 2013. Bilakah tarikh kenaikan gaji tahunannya?
- 31 Disember 2014
  - 1 Januari 2014
  - 1 Februari 2014
  - 31 Januari 2014
10. Kadar cuti bagi setiap 12 bulan perkhidmatan bagi pegawai asing dalam perkhidmatan kontrak dalam Bahagian I dan II ialah?
- 32 hari
  - 48 hari tanpa mengira umur
  - 48 hari bagi umur 40 tahun ke bawah
  - 52 hari bagi umur 40 tahun ke atas
11. Cuti Lebih Masa (*off-in-lieu*) diberikan kepada pegawai dan kakitangan dalam Bahagian?
- I dan II sahaja
  - III dan IV sahaja
  - III, IV dan V serta pekerja bergaji hari
  - I, II, III, IV dan V serta pekerja bergaji hari

12. Salah satu syarat kelayakan bagi Latihan Dalam Perkhidmatan DI Seberang Laut dan Dalam Negeri hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya
- Baik 3 tahun kebelakangan
  - Sangat Baik 3 tahun kebelakangan
  - Cemerlang 2 tahun dan Baik 1 tahun
  - Sangat Baik 2 tahun dan Baik 1 tahun
13. Tiap-tiap pegawai dalam bahagian I, II, III dan IV apabila mula-mula dilantik ke satu jawatan, dikehendaki berkhidmat dalam percubaan selama berapa tahun sebelum ditetapkan dalam jawatan kecuali disyaratkan sebaliknya?
- Dua tahun
  - Tiga tahun
  - Satu tahun enam bulan
  - Enam bulan
14. Menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 2/2010, Pengurniaan Tambang Bagi Menunaikan Fardhu Haji adalah layak bagi pegawai-pegawai dalam Perkhidmatan Tetap, Perkhidmatan Sebulan Ke Sebulan atau Open Vote yang telah berkhidmat selama ?
- Sepuluh (10) tahun
  - Lima belas (15) tahun
  - Dua belas (12) tahun
  - Tujuh belas (17) tahun
15. Menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 7/2011, semua pegawai dalam Perkhidmatan Tetap, Sebulan Ke Sebulan dan Open Vote diberikan elaun cuti sekali sahaja bagi tiap-tiap?
- 36 bulan (3 tahun) perkhidmatan
  - 60 bulan (5 tahun) perkhidmatan
  - 48 bulan (4 tahun) perkhidmatan
  - 24 bulan (2 tahun) perkhidmatan

16. Awang bin Ahmad, Pekerja Tingkat I secara bergaji hari di Jabatan Daerah Brunei Muara. Sila nyatakan Penguasa Tatatertib bagi Awang Ali bin Ahmad?
- Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam
  - Pegawai Daerah Brunei Muara
  - Setiausaha Tetap, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
  - Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
17. Berikut adalah kemudahan-kemudahan yang dihulurkan bagi mereka yang dibenarkan mengikuti kursus Latihan Dalam Perkhidmatan secara Cuti Belajar Dalam Negeri, kecuali?
- Elaun Buku
  - Elaun Kacamata
  - Elaun Tempat Tinggal
  - Elaun Projek
18. Pegawai-pegawai dalam perkhidmatan berikut tidak boleh dilantik memangku kecuali?
- Berkontrak (luar negeri)
  - Bergaji hari
  - Berkontrak (tempatan)
  - Open vote
19. Pembayaran gaji kepada pegawai atau kakitangan perempuan yang mengambil cuti beranak yang telah berkhidmat selama 179 hari ialah?
- Dibayar gaji penuh
  - Diberikan saguhati sebanyak \$200.00
  - Dibayar separuh gaji
  - Tidak dibayar gaji

20. Pegawai berikut tidak layak menerima Elaun Sara Hidup seperti yang dinyatakan di dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 12/1998, kecuali?
- Menerima gaji pokok melebihi \$6,800 sebulan
  - Pegawai-pegawai yang menerima elaun semasa berkhidmat
  - Pegawai-Pegawai yang mengikuti Latihan Dalam Perkhidmatan Di Seberang Laut
  - Semua pegawai dan kakitangan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang telah bersara dan menerima pencen bulanan mengikut Akta Pencen
21. Berapakah jumlah maksimum cuti sakit dalam setahun yang dikeluarkan oleh Pegawai Perubatan Persendirian?
- 12 hari
  - 2 hari
  - 15 hari
  - 18 hari
22. Mengikut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 4/2008 iaitu Kadar Elaun Memangku menurut para 4.1 dibayar pada kadar:
- $\frac{1}{3}$  dari gaji permulaan jawatan yang dipangku
  - $\frac{1}{5}$  dari gaji permulaan jawatan yang dipangku
  - $\frac{1}{4}$  dari gaji permulaan jawatan yang dipangku
  - $\frac{2}{3}$  dari gaji permulaan jawatan yang dipangku
23. Seorang pegawai telah diambil tindakan tatatertib kerana pekerjaan atau tingkah lakunya tidak memuaskan, tindakan yang boleh diambil ialah dengan memberhentikan dan menangguhkan kenaikan-kenaikan gajinya. Berapa lamakah kenaikan gaji seseorang pegawai itu boleh ditangguh atau diberhentikan?
- Tidak kurang 1 bulan
  - Tidak kurang 2 bulan
  - Tidak kurang 3 bulan
  - Cukup satu bulan

24. Waktu bekerja dalam perkhidmatan awam adalah minimum?
- 5 ½ jam sehari
  - 7 ½ jam sehari
  - 8 jam sehari
  - 6 ½ jam sehari
25. Berapakah kadar elaun insentif bulanan yang dihulurkan kepada pegawai-pegawai yang lulus peperiksaan Peraturan-Peraturan Am dan Perkhidmatan Kerajaan(GO) dan Peraturan-Perturan Kewangan(FR) menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 11/2012?
- \$100
  - \$120
  - \$150
  - \$200
26. Berapakah umur minimum bagi pegawai perempuan dalam perkhidmatan berpencen dibolehkan bersara awal?
- 45 tahun
  - 40 tahun
  - 35 tahun
  - 50 tahun
27. Sistem Waktu Fleksibel(SWF) telah diperkenalkan dalam Perkhidmatan Awam dan mula berkuatkuasa pada 1 Mei 2003 menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 8/2003. Perkhidmatan manakah SWF ini dikhususkan?
- Perkhidmatan Gaji Hari
  - Perkhidmatan Pelanggan
  - Perkhidmatan Gaji Bulan
  - Perkhidmatan Kaunter



28. Jabatan awda telah menerima memorandum daripada Biro Kawalan Narkotik yang diterima dan dicop bertarikh 7 Januari 2013 yang memaklumkan bahawa Awang Sarip bin Dol salah seorang daripada pegawai awda dalam Bahagian III telah terlibat dengan kes penyalahgunaan dadah dan kesnya masih dalam penyiasatan untuk dihadapkan ke mahkamah atas tuduhan memakan dadah terkawal. Sebagai pegawai yang bertanggungjawab mengenai hal ehwal kakitangan Jabatan awda dan menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 19/1998, salah satu tindakan segera yang awda patut buat ialah menahan gaji dan elaun. Berapa peratuskah dari gaji dan elaun Awang Sarip akan ditahan?
- 100%
  - 75%
  - 50%
  - 25%
29. Berapa lamakah tempoh minimum yang dimestikan bagi setiap pegawai dan kakitangan menjalani latihan sepertimana yang terkandung dalam Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 3/2003?
- 7 ½ jam
  - 100 jam
  - 200 jam
  - 30 hari
30. Berikut adalah ciri-ciri penilaian prestasi yang dinilai bagi pegawai-pegawai Bahagian I dan II, kecuali?
- Pengurusan Kerja
  - Inovatif
  - Pengendalian mesin/peralatan pejabat
  - Kepimpinan

## BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi sepuluh (10) soalan. Calon dikehendaki menjawab tujuh (7) soalan sahaja daripada 10 soalan. Setiap soalan mempunyai 5 markah

Sila terangkan perkara-perkara dalam Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam seperti berikut:

1. Cuti Mandatori
2. Asas kenaikan pangkat dalam Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (Penggajian 83)
3. Pegawai Penilai Semula
4. Waktu bekerja dalam perkhidmatan awam
5. Manual Prosedur Kerja (MPK): Definisi
6. Pelanjutan Mata Gaji (EB Khas): Peraturan dan syarat
7. Tabung Amanah Pekerja (TAP): Keadaan yang membolehkan wang simpanan boleh dikeluarkan.
8. Kaedah Pengiklanan dalam Peraturan Pegawai-Pegawai Kerajaan Akta Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (Penggajian 83)
9. Penguasa Tatatertib bagi pegawai bahagian 1 hingga V dan pekerja gaji hari
10. Lima daripada beberapa perkara yang ditegah dari dibincangkan oleh Ahli-Ahli Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC)

## BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi tiga(3) soalan. Calon dikehendaki menjawab dua(2) soalan sahaja daripada tiga(3) soalan. Setiap soalan mempunyai 17.5 markah

1. Ali bin Ahmad Kerani di Jabatan Pos didapati tidak hadir bekerja tanpa kebenaran dan tanpa mendapat cuti serta tiada sebab yang berpatutan pada 2,3,dan 5 Januari 2013. Ketua bahagiannya telah melaporkan ketidakhadirannya terus kepada Ketua Pos Agung.
  - i. Selaku Ketua Jabatan sebutkan tanggungjawab yang perlu diambil tindakan bagi ketidakhadiran Awang Ali bin Ahmad.(8 markah)
  - ii. Bilakah tarikh Awang Ali bin Ahmad ditahan keseluruhan gaji dan elaunnya?(1 ½ markah)
  - iii. Awang Ali bin Ahmad tidak dibenarkan perkara-perkara tertentu ketika masih dalam penggantungan kerja? Sebutkan (6 markah)
  - iv. Apakah kesan jika Ketua Jabatan gagal untuk mengambil tindakan tertentu menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bil 19/1998? (2 markah)
  
2. Ahmad bin Ali, Pegawai Perhutanan dalam tanggagaji B2EB3 di Jabatan Perhutanan. Beliau baru sahaja berkhidmat 2 Januari 2011. Beliau telah membuat permohonan untuk mengikuti Latihan Dalam Perkhidmatan Penuh Seberang Laut bagi melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Sarjana dalam bidang Perhutanan selama 1 ½ tahun di University of Queensland Australia yang akan bermula Jun 2013 ini.
  - i. Adakah Ahmad bin Ali boleh dipertimbangkan untuk mengikut Latihan Dalam Perkhidmatan Penuh Seberang Laut memandangkan perkhidmatanya belum mencapai 3 tahun? (2 markah)
  - ii. Sebutkan 5 sahaja syarat-syarat kelayakan yang membolehkan pegawai ini dipertimbangkan untuk mengikut Latihan Dalam Perkhidmatan Penuh Seberang Laut? (10 markah)

- iii. Berapakah lingkungan umur yang diberikan keutamaan jika satu ketika nanti beliau berkeinginan untuk meneruskan kursus kedoktoran (PhD)? (1 markah)
  - iv. Berapa lamakah tempoh ikatjanji bagi pegawai ini mengikuti kursus selama 1 ½ tahun ini? ( 1 ½ markah)
  - v. Skim Latihan Dalam Perkhidmatan boleh ditamatkan atas sebab tertentu. Sila nyatakan tiga (3) sahaja. (3 markah)
3. Tiga fokus Wawasan Perkhidmatan Awam Abad ke 21 iaitu dasar, struktur organisasi dan perlakuan organisasi. Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) adalah di antara strategi yang boleh digunakan untuk mendukung ketiga-tiga fokus ini.
- i. Sila terangkan apa yang dimaksudkan dengan TPOR dan berikan contohnya? ( 3 ½ markah)
  - ii. Nyatakan fokus TPOR dan terangkan salah satu daripadanya (5 markah)
  - iii. Senaraikan tiga (3) ciri-ciri TPOR (3 markah)
  - iv. Terangkan tiga(3) manfaat TPOR kepada orang ramai? (6 markah)